

LOGO SEKOLAH

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN

---

**UJIAN DIAGNOSTIK 2  
SEJARAH**

Kertas 1

**1249/1**

Tingkatan 5

Nov 2022

**1 jam**

**Satu jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan**
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu

---

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

1. Apakah ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu sebelum kedatangan Barat?

- A Kesetiaan rakyat
- B Kemantapan politik
- C Kepelbagaian bahasa
- D Keunggulan seni bina

2. Maklumat berikut berkaitan undang-undang bertulis Kesultanan Melayu Melaka.

- Hukum Kanun Melaka
  - Undang-undang Laut Melaka

Apakah persamaan undang-undang tersebut?

- A Berbentuk lisan
- B Berasaskan syariah
- C Mewujudkan keluarga harmoni
- D Menetapkan tata cara pelayaran

3. Revolusi Keagungan telah berlaku di England pada tahun 1688. Mengapa revolusi tersebut tercetus?

- A Mempertahankan sistem beraja
- B Menegakkan kedaulatan parlimen
- C Menyekat pencerobohan kuasa luar
- D Menentang pengenalan cukai baharu

4. Kesatuan Melayu Singapura merupakan persatuan awal yang muncul pada tahun 1926 di Tanah Melayu.

Apakah tujuan penubuhannya?

- I Mempertahankan hak keistimewaan raja- raja
- II Memperjuangkan kepentingkan pengajian tinggi
- III Menggalakkan pelibatan ahli dalam pentadbiran
- IV Menggerakkan kegiatan bertukar-tukar pendapat

- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

5. Maklumat berikut merujuk pakatan yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.

- Pakatan Bertiga
- Pakatan Kuasa Tengah

Apakah kesan kewujudan pakatan tersebut?

- A Pengukuhan sistem monarki
- B Pembubaran institusi parlimen
- C Pengenalan sistem cukai baharu
- D Persaingan menghasilkan senjata


6. Jadual berikut berkaitan peristiwa Perang Dunia Kedua.

Tarikh	Peristiwa
6 Ogos 1945	Bom atom Little Boy digugurkan di Hiroshima
9 Ogos 1945	Bom atom Fat Man digugurkan di Nagasaki

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Jepun menyerah kalah
- B Rusia menyertai pakatan ketenteraan
- C Jerman mengubah pucuk kepimpinan negara
- D Amerika Syarikat dipaksa membayar pampasan

7. Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu pada selepas Perang Dunia Kedua.



Mengapakah British melakukan perubahan tersebut?

- A Menyeragamkan cukai
- B Melicinkan pentadbiran
- C Merapatkan hubungan kaum
- D Memperkuuh institusi beraja

8. Apakah kesan pentadbiran Malayan Union terhadap Raja-raja Melayu?

- A Menjadi Ahli Majlis Raja-raja
- B Mengetuai Majlis Perundangan
- C Menguruskan pentadbiran negara
- D Memperoleh kuasa memungut cukai

9. Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) merupakan gagasan yang dibentuk oleh beberapa pertubuhan radikal di Tanah Melayu.

Apakah pertubuhan tersebut?

- I Barisan Tani Malaya (BATAS)
- II Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
- III Malayan Democratic Union (MDU)
- IV Pan-Malayan of Trade Unions (PMFTU)

- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

10. Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Kedudukan institusi beraja diperkuuh
- B Pengaruh komunis semakin meluas
- C Pergerakan parti radikal dihalang
- D Kemasukan imigran disekat

11. Pernyataan berikut berkaitan dengan tindakan komunis di Tanah Melayu.

Pada 16 Jun 1948, komunis telah membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut ?

- A Pembebasan golongan radikal
- B Penghantaran balik kaum imigran
- C Pengisytiharan Undang-Undang Darurat
- D Pengenalan Persekutuan Tanah Melayu

12. Apakah sumbangan tokoh berikut?



- A Memantapkan perpaduan kaum
- B Melemahkan pengaruh komunis
- C Mengukuhkan hubungan diplomatik
- D Memperkenalkan pentadbiran baharu

13. Mengapakah sistem berikut diperkenalkan di Tanah Melayu?

Tahun	Peristiwa
1951	Sistem Ahli diperkenalkan

- A Melaksanakan pilihanraya umum
- B Merangka perlembagaan merdeka
- C Melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri
- D Membincangkan pembaharuan sistem pendidikan

14. Pernyataan berikut berkaitan dengan laporan jawatankuasa pelajaran.

<b>X</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanah Melayu mempunyai dua jenis sekolah rendah, iaitu sekolah yang menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa pengantar</li> <li>• Sekolah menengah kebangsaan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa pengantar</li> </ul>

Apakah X ?

- A Laporan Barnes 1951  
 B Laporan Fenn Wu 1951  
 C Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956  
 D Penyata Kabinet 1974
15. Jawatankuasa Pilihan Raya telah mengeluarkan dua bentuk pernyataan susunan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang dinamakan Bentuk A dan Bentuk B.  
 Pilih padanan yang tepat tentang susunan tersebut.

	<b>BENTUK A</b>	<b>BENTUK B</b>
A	Seorang speaker	Seorang speaker
B	Lapan orang wakil negeri	Sebelas orang wakil negeri
C	Tiga orang dilantik mewakili golongan minoriti	Dua orang dilantik mewakili golongan minoriti
D	Pilihanraya perlu diadakan tidak lewat dari bulan Oktober 1954	Tidak menetapkan tarikh atau masa tertentu untuk pilihanraya

16. Gambar berikut berkaitan Ahli Kabinet Kerajaan Persekutuan 1955.



Apakah peranannya ?


- A Menganjurkan pilihan raya umum
  - B Mengurangkan semangat kenegerian
  - C Membincangkan isu pertahanan negara
  - D Menggubal dasar pendidikan kebangsaan
17. Gambar berikut menunjukkan sambutan bersejarah di Padang Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.



Apakah peristiwa bersejarah tersebut?

- A Pengumuman tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
- B Pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu
- C Pengumuman keputusan Pilihan Raya Umum
- D Pengharaman Parti Komunis Malaya

18. Parti PAS telah mengkritik Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Apakah isu yang menimbulkan kritikan tersebut ?
- A Pendidikan  
 B Pilihan raya  
 C Institusi beraja  
 D Kewarganegaraan
19. Penonjolan identiti negara penting bagi sesebuah negara yang akan merdeka. Bagaimanakah identiti negara dapat ditonjolkan ?
- A Pengiktirafan negara maju  
 B Penurunan kadar kemiskinan  
 C Penggunaan lambang negara  
 D Pelaksanaan ekonomi kawalan
20. Mengapakah Rancangan Buku Merah diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar di Tanah Melayu pada 25 Januari 1961 ?
- A Meningkatkan mutu perkhidmatan pegawai kerajaan  
 B Melancarkan pengurusan sistem kewangan negara  
 C Mengesan projek berkaitan kemudahan asas  
 D Menyediakan peluang pekerjaan
- 21 Rajah berikut merujuk jenis kedaulatan dalam masyarakat Melayu.



X ialah kedaulatan

- A moden  
 B tradisional  
 C antarabangsa  
 D undang-undang

22 Ilustrasi berikut menggambarkan masyarakat majmuk di negara kita.



Bagaimanakah pemerintah mengekalkan perpaduan dalam kalangan anggota masyarakat ?

- A Menguatkuasakan undang-undang  
 B Menubuhan parti berasaskan kaum  
 C Membina petempatan kampung baru  
 D Membangunkan kemudahan infrastruktur
- 23 Maklumat berikut berkaitan undang-undang di Negeri-Negeri Selat.

- Charter of Justice I - 1807
- Charter of Justice III - 1855

Apakah kesan daripada pelaksanaan undang-undang tersebut ?

- A Kemasukkan imigran  
 B Penubuhan mahkamah  
 C Pengenalan mata wang  
 D Kemunculan bandar baharu
- 24 Pilih pasangan yang tepat berkaitan badan penggubal undang-undang di negeri-negeri Melayu pada tahun 1946.

	<b>Negeri</b>	<b>Badan Penggubal</b>
A	Negeri-Negeri Selat	Majlis Undangan Negeri
B	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu	Majlis Negeri
C	Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu	Majlis Persekutuan
D	Sabah dan Sarawak	Majlis Tertinggi

25 Apakah peranan Majlis Raja-Raja berdasarkan peruntukan Perlembagaan Malaysia ?

- A Mengisytiharkan darurat  
 B Menjalankan pilihan raya  
 C Melucutkan kewarganegaraan  
 D Mengubah persempadaan negeri


- 26 Kebebasan asasi yang diperuntukan dalam Perlembagaan Malaysia tidak bersifat mutlak tetapi tertakluk pada sekatan undang-undang yang digubal Parlimen. Mengapakah sekatan tersebut diwujudkan ?
- A Menjaga kebijakan rakyat  
 B Menyekat sifat kenegerian  
 C Menjamin ketenteraman awam  
 D Mengukuhkan kuasa pemerintah
- 27 Maklumat berikut merujuk hasrat kerajaan British
- Membentuk sebuah kerajaan berbentuk kesatuan
  - Pembentukan sebuah kerajaan pusat di bawah kuasa Gabenor British
- Bagaimakah British mencapai hasrat tersebut ?
- A Melaksanakan Persekutuan 1896  
 B Memperkenalkan Malayan Union 1946  
 C Membentuk Persekutuan Malaysia 1963  
 D Mengasaskan Persekutuan Tanah Melayu 1948
- 28 Antara berikut, yang manakah perkara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan ?
- I Kewangan  
 II Kewarganegaraan  
 III Perancangan bandar  
 IV Pencegahan penyakit
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 29 Pada tahun 1938, konsep Melayu Raya telah diperjuangkan oleh para nasionalis di Tanah Melayu.  
 Mengapakah konsep tersebut gagal dilaksanakan ?
- A Penjajahan tentera Jepun  
 B Ancaman Parti Komunis Malaya  
 C Pengisytiharan kemerdekaan Indonesia  
 D Pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

- 30 Jadual berikut menerangkan perkembangan yang berlaku di Indonesia.

Tarikh	Peristiwa
20 Januari 1963	Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia

Apakah alasan beliau berbuat demikian ?

- A Pilihan raya Indonesia ditunda
  - B Kedudukan Indonesia terancam
  - C Kemerdekaan Indonesia tertangguh
  - D Pengaruh Parti Komunis Indonesia tergugat
- 31 Bagaimanakah sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak dimajukan selepas pembentukan Malaysia ?
- A Memberi latihan perguruan
  - B Menubuhkan tabung pelajaran
  - C Menghapuskan yuran pengajian
  - D Menyeragamkan bahasa penghantar
- 32 Carta alir berikut merujuk operasi ketenteraan yang dilancarkan di Sarawak.



Mengapa operasi tersebut dilancarkan ?

- A Membanteras ancaman komunis
- B Menyekat kemasukan pendatang
- C Menghalang penubuhan parti politik
- D Mematahkan penentangan penduduk

- 33 Gambar berikut merujuk perkhidmatan Feri Malaysia yang diperkenalkan pada 31 Ogos 1986.



Mengapakah perkhidmatan tersebut diperkenalkan ?

- A Menyambut hari kemerdekaan
  - B Mempergiatkan pertanian komersial
  - C Meningkatkan taraf hidup penduduk
  - D Merapatkan hubungan antara negeri
- 34 Maklumat berikut merujuk dasar pendidikan yang diperkenalkan di negara kita selepas merdeka.

Akta Pendidikan 1996

Apakah kesan daripada pengenalan akta tersebut ?


- A Sekolah aneka jurusan diwujudkan
  - B Kedudukan bahasa kebangsaan diperkuuh
  - C Kelulusan mata pelajaran sejarah diwajibkan
  - D Sukatan pelajaran sekolah swasta diseragamkan
- 35 Bagaimanakah kerajaan meningkatkan taraf hidup penduduk bandar melalui Dasar Ekonomi Baru ?
- I Membuka tanah baharu
  - II Menyediakan kemudahan asas
  - III Memajukan sektor perindustrian
  - IV Merendahkan harga barang keperluan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

36 Agensi berikut ditubuhkan di negara kita selepas tahun 1970an.



Apakah peranan agensi tersebut ?

- A Memajukan industri permotoran negara
  - B Memajukan teknologi pintar dalam pertanian
  - C Melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi
  - D Melaksanakan program pembangunan wilayah
- 37 Peta berikut berkaitan misi pengaman yang disertai Malaysia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



Mengapakah Malaysia menyertai misi tersebut ?

- A Mendaulatkan undang-undang
- B Menghapuskan dasar apartheid
- C Memberi latihan kemahiran teknikal
- D Meningkatkan taraf hidup penduduk

- 38 Pada tahun 1971, Deklarasi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) diumumkan di Kuala Lumpur.  
Apakah bukti yang menunjukkan Malaysia akur pada deklarasi tersebut ?
- A Menjalin hubungan dengan China  
B Menentang dasar aparteid Afrika Selatan  
C Menghalang pengeksplorasi benua Antartika  
D Menandatangani perjanjian pertahanan dengan Britain
- 39 Apakah faktor yang menyebabkan Malaysia menjadi kawasan transit bagi aktiviti pemerdagangan orang ke negara lain?
- A Kestabilan politik  
B Kepelbagaian kaum  
C Kedudukan strategik  
D Kelongaran undang-undang
- 40 Mengapakah anugerah berikut diperkenalkan pada tahun 1991 ?



- A Memelihara alam sekitar  
B Memajukan sektor pelancongan  
C Menggalakkan kemasukan pelabur  
D Membanteras penyalahgunaan dadah

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**